




BULETIN JAKIM

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MEMPERINGATI HARI AIDS SEDUNIA



PERCUMA

ISSN 1821-1092



9 771821 109007

MEMPERINGATI HARI AIDS SEDUNIA

Jakim dengan kerjasama Majlis AIDS Malaysia (MAC) telah menganjurkan Majlis Sambutan Memperingati Hari AIDS Sedunia 2009 pada 17 Mei 2009 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Majlis sambutan yang julung kali diadakan ini telah dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Penasihat Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Tun Mahathir, dan Naib Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datuk Mohd Zaman Khan.

Sambutan berbentuk aktiviti keagamaan bertemakan 'Bersama, Kita Adalah Penyelesaiannya' bertujuan menggalakkan perpaduan global dan resolusi terhadap isu-isu HIV/AIDS serta memberi mesej kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa perubahan boleh dicapai dengan adanya kerjasama daripada semua pihak.

Majlis sambutan telah dimulakan dengan program rakaman Forum Perdana Ehwal Islam bertajuk 'Bukan Salah Ibu Mengandung.' Hampir 1,000 orang tetamu jemputan dan sukarelawan daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat telah memenuhi Dewan Serba Guna masjid tersebut. Antara tetamu kenamaan forum tersebut ialah Presiden Hindu Sangam Malaysia, Datuk A.Vaithilingam, Naib Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datuk Mohd Zaman Khan, dan Presiden Malaysian Care, En. Pax Tan.

Majlis turut dijayakan dengan penyertaan pameran oleh pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Acara kemuncak sempena sambutan tersebut ialah Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat selepas solat Maghrib yang diketuai oleh Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan, Tuan Hj. Abdul Malik Salleh.





KONVENSYEN PENDAKWAH NEGARA HIMPUNKAN PENDAKWAH DI MALAYSIA

Jakim dengan kerjasama Pertubuhan Muafakat Sejahtera Malaysia (Muafakat) telah mengadakan Konvensyen Pendakwah Negara 2009 pada 10 dan 11 Jun 2009 Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur.

Konvensyen ini melibatkan peserta seramai 700 orang yang terdiri daripada kalangan SS mufti-mufti negeri, pengarah dan pegawai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Ketua Pegawai Eksekutif, dan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Konvensyen ini juga melibatkan pensyarah-pensyarah IPTA dan IPTS, Pegawai-pegawai Hal Ehwal Islam Jakim, Jabatan Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan Islam (Japim), dan wakil pertubuhan Islam dan dakwah seluruh Malaysia.

Antara objektif utama penganjuran konvensyen ini ialah untuk meningkatkan kefahaman, pemikiran Islam, pelaksanaan dakwah secara menyeluruh dan bersepadu serta strategi dakwah yang selari dengan situasi terkini dan memberi pendedahan terhadap dasar-dasar dan isu-isu semasa negara.

Bersempena dengan konvensyen ini juga, Jakim telah melancarkan Radio Malaysia Jakim iaitu Salam FM. Majlis Perasmian Konvensyen dan Pelancaran Radio Malaysia Jakim telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom.

Konvensyen ini dimulakan dengan sesi forum yang bertajuk "Dakwah Efektif: Pengalaman Aktivis" yang dipengerusikan oleh Dr. Ridhuan Tee Abdullah dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Ahli panel dibarisi oleh Saudara Ann Wan Seng, Haji Muhammad Fitri bin Abdullah dan Saudara Haji Nicholas Sylvester @ Berry @ Muhammad Abdullah.

Seterusnya program ini disambung pada sebelah malamnya dengan pembentangan kertas kerja yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha yang bertajuk "Perkembangan Dakwah di Malaysia: Pengalaman Jakim dan Peranan Semasa." Konvensyen ini dimantapkan lagi dengan sesi pembentangan yang bertajuk "Manhaj Malizie: Uslub atau Jalur Dakwah Semasa" yang disampaikan oleh Dr. Sidek Baba (UIAM). Pembentangan kertas kerja ini dipengerusikan oleh Dr. Azizan Ahmad dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada 11 Jun, Konvensyen ini disambung dengan sesi pembentangan kertas kerja kedua, "Gerakan Pemikiran Aliran Baru Masa Kini dan Cabarannya Kepada Ummah" oleh Dr. Uthman El-Muhammady dari International Institute Of Islamic Thought And Civilization (ISTAC), dan "Pluralisme Agama: Satu penilaian" oleh Ustaz Hasnan Kassan (UKM).



PEGAWAI KANAN JAKIM BERKURSUS UNTUK KECEMERLANGAN ORGANISASI



Kursus Kecemerlangan Organisasi Pegawai-pegawai Kanan Jakim telah dilaksanakan pada 6 hingga 9 Mei 2009 bertempat di PNB, Ilham Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini merupakan anjuran bersama Jakim dan Institut Tadbiran Awam Negara, Wilayah Selatan (Ikwas) yang dipimpin oleh fasilitator En. Abu Mohamad atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Abu bersama Puan Hajah Halimah Md. Nor.

Kursus ini telah dihadiri oleh pegawai pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan Jakim seramai 45 orang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom. Beliau dalam ucapannya, berpesan supaya Jakim terus dikenali dan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan dan terus berusaha memberikan tanggungjawab yang terbaik kepada masyarakat.

Antara objektif kursus ini ialah untuk memperkukuhkan ukhuwah dan menyemarakkan semangat setia kawan di kalangan pegawai-pegawai kanan Jakim, di samping memupuk perasaan bangga sebagai warga Jakim, serta memperkasakan Jakim sebagai sebuah organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sepanjang kursus tersebut, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pembentukan identiti kumpulan, menjana pasukan, kembara, penyediaan pelan tindakan dan sebagainya.



KAFA BANTU TINGKAT MODAL INSAN - MENTERI DI JPM



Multaqa Penyelia dan Guru-guru KAFA peringkat Negeri Kedah telah diadakan di Dewan Bangunan Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah pada 9 Mei 2009.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom dalam upacara perasmian, melahirkan rasa gembira kerana program KAFA telah disusun dengan sistematik dan mengikut

kehendak semasa dan beliau yakin ia dapat membantu kerajaan melahirkan modal insan yang berkualiti dan berintegriti.

Menurut beliau, sistem pendidikan Islam di negara ini akan sentiasa diperkemaskan selaras dengan keperluan negara khususnya dalam menyediakan tenaga mahir dalam pendidikan Islam. Ia meliputi semua bidang profesional seperti perguruan dan pentadbiran, pengurusan sistem kewangan, pembuatan alatan, pakaian, makanan, perubatan, penyelidikan dan banyak lagi.

Beliau berharap agar program multaqa ini akan membantu seramai 2,772 guru di negeri tersebut melaksanakan program KAFA melalui peruntukan sebanyak RM 18,981,000.00 dengan lebih berkesan. Beliau mengakhiri ucapannya dengan harapan multaqa ini dijadikan agenda utama Jakim sebagai saluran untuk mengeratkan dan menyemarakkan hubungan antara guru-guru dan penyelia KAFA negeri dengan pihak kerajaan khususnya Jakim.

JAKIM BOLOT JOHAN FESTIVAL NASYID PERINGKAT KEMENTERIAN



Kumpulan Nasyid DG-WA dari Jakim yang mewakili Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah berjaya mendapat tempat pertama dalam Festival Nasyid Peringkat Kementerian sempena Ma'al Hijrah 1430H/2009M. Festival tersebut telah diadakan pada 9 dan 10 Jun 2009 bertempat di Auditorium Blok B1, Parcel B, Putrajaya.

Sebanyak 11 kumpulan telah menyertai festival ini yang mewakili kementerian-kementerian. Setelah melalui sesi saringan yang diadakan pada 9 Jun 2009, hanya lima kumpulan yang dipilih untuk ke peringkat akhir diadakan pada 10 Jun 2009.

Menteri di JPM, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom telah hadir merasmikan festival nasyid tersebut. Dalam ucapan perasmian, beliau melahirkan rasa bangga dan gembira atas penyertaan yang menggalakkan daripada kementerian-kementerian dan berharap agar nasyid akan menjadi salah satu medium dakwah yang praktikal dan berkesan kepada masyarakat.

Antara kementerian yang menyertai festival pada kali ini ialah JPM, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan,

Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Kerja Raya.

Kumpulan DG-WA dengan lagunya 'Satu Iltizam' telah mendapat tempat pertama dan membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala iringan dan sijil penyertaan. Manakala naib johan pula disandang oleh kumpulan Nurani dari Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, yang membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penyertaan, manakala tempat ketiga pula menjadi milik kumpulan al-Ta'qwa yang mewakili JPM, mendapat wang tunai RM1,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz yang hadir sama dalam majlis tersebut telah dijemput untuk menerima hadiah kemenangan bagi kejayaan kumpulan DG-WA.

Festival tersebut turut dihadiri oleh Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan serta Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kementerian/Jabatan.

LIGA SUKAN AGENSI AGAMA ISLAM SABAH



Jakim Cawangan Sabah telah menganjurkan Liga Sukan Agensi Agama dan NGO Islam Sabah (Lisan 2009) pada 16 dan 17 Mei 2009 bertempat di tiga tempat iaitu Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu, Nexus Golf Karambunai Resort dan Centre Point Mall. Liga sukan tersebut dimulakan dengan acara senamrobik dan pelancarannya disempurnakan oleh Pengarah Jakim Cawangan Sabah, Ustaz Aziz Haji Mohamad.

Liga sukan yang julung kali diadakan itu menyaksikan pertandingan 11 acara dengan penyertaan daripada 12

kontinjen yang terdiri daripada Jakim Cawangan Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Lembaga Tabung Haji, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (JKSNS), Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS), Pejabat Mufti Negeri Sabah, Majlis Gabungan NGO Islam Sabah (Concern) dan Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat).

Liga sukan ini diadakan bertujuan untuk menjalin kerjasama dan hubungan padu di kalangan agensi agama serta NGO Islam di Sabah. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir Baharom. Bercakap pada sidang media sempena majlis tersebut, beliau berkata selain bersukan untuk menyihatkan badan, acara tersebut juga bermatlamat sebagai medium dakwah, membina jambatan perhubungan dengan remaja dan mengubah persepsi mereka bahawa dakwah juga boleh dilaksanakan melalui acara sukan dengan pakaian yang menutup aurat dan menepati waktu solat.



Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) dengan kerjasama Jakim telah menganjurkan Seminar IslamGRID siri 1/2009 pada 13 Mei 2009 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan mengenai pendekatan dan penggunaan teknologi ICT yang digunakan dalam pembangunan dan pelaksanaan projek IslamGRID.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim dan turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (ICT) Mampu, Dr. Nor Aliah Mohd Zahri dan Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz.

Dato' Dr. Mashitah dalam ucapannya menyatakan internet mampu untuk menyebarkan pemikiran dan kefahaman ke seluruh dunia dengan menarik dan meyakinkan hanya dalam sekelip mata. Katanya lagi, pihak kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan ilmu di kalangan masyarakat dalam bidang ini. Dijangka pada tahun hadapan, 50% isi rumah termasuk penduduk luar bandar akan menikmati kemudahan jalur lebar (*broadband*). Beliau menyeru kepada semua khususnya peneraju hal ehwal Islam supaya memberi sokongan dan sumbangan berterusan kepada projek IslamGRID.

Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan iaitu "Mengenali Laman Web Fatwa Antarabangsa dan Pengenalan Takhrij Hadith melalui Internet" oleh Ketua Pengarah Jakim, "KnowledgeGRID Malaysia" oleh En. Abd Rahman Dahlan (MIMOS), "Projek IslamGRID" oleh Tn. Hj. Dolmoin Kamaruddin (Mampu) dan "Islamic Knowledge Management: Taksonomi dan Ontologi" oleh Prof. Madya Mohamad Fauzan Nordin (UIAM).

KONVENSYEN PEMANTAPAN DASAR NILAI-NILAI MURNI DALAM PERKHIDMATAN AWAM 2009

Jakim telah mengadakan Konvensyen Pemantapan Dasar Nilai-nilai Murni dalam Perkhidmatan Awam 2009 pada 2 Jun 2009 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, kepada semua ketua jabatan di peringkat persekutuan dan negeri bertujuan bagi mendapatkan pandangan dan input yang segar daripada ahli panel dan peserta bagi mempertingkatkan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan nilai Islam dalam perkhidmatan awam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan telah menyampaikan ucapturna bertajuk "Pemeriksaan Dasar Pembangunan Nilai-nilai Murni dalam Sektor Awam" dan seterusnya merasmikan konvensyen tersebut. Seramai 200 orang menghadiri konvensyen tersebut.

Tan Sri Mohd Sidek dalam ucapturnanya menyarankan agar ketua jabatan menilai kembali keberkesanan dasar-dasar kerajaan dan memperluaskan pelaksanaan dasar agar lebih efektif. Setiap penjawat awam perlu bermuhasabah diri dan ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Jika gagal, akan berlaku ketirisan dalam apa jua urusan sektor kerajaan.

Tan Sri Mohd Sidek turut menyeru semua ketua jabatan supaya menilai kembali pekeliling yang telah diedarkan, sejauh manakah ia dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan berkesan dalam perkhidmatan awam, dan adakah semua dasar dan pekeliling tersebut telah mencapai impak dan KPI yang disarankan. Beliau juga melontarkan persoalan, sejauh manakah dasar dan pekeliling tersebut telah berjaya menerapkan nilai positif dalam diri kakitangan perkhidmatan awam dan mampu diterjemahkan dalam kualiti kerja seharian,



sejauh manakah pula prinsip dan nilai yang ingin diterapkan melalui Pendekatan Islam Hadhari telah dapat dibudayakan di kalangan agensi kerajaan dan masyarakat.

Konvensyen dimantapkan lagi dengan sesi diskusi bertajuk "Gagasan Satu Malaysia: Konsep dan Penghayatan" yang dibarisi oleh tiga orang ahli panel iaitu Dato' Faiza Thamby Chik (USIM), Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Nik Mustapha Hj. Nik Hassan, dan Prof. Dr. Sidek Baba (UIAM), manakala Ketua Pengarah Jakim, Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz sebagai moderator diskusi tersebut.

Diskusi ini memberi fokus kepada bidang yang perlu dihayati oleh masyarakat bagi membangun masyarakat dalam konsep 1 Malaysia berdasarkan undang-undang, pendidikan dan sosial. Konvensyen diakhiri dengan sesi pembentangan kertas kerja oleh Yang Dipertua Yadim, Datuk Hj. Mohd Nakhaei Hj. Ahmad, bertajuk "Pembangunan Sahsiah Modal Insan Warga Sektor Awam."

PENGUKUHAN KERJASAMA ANTARA AGENSI PENGUATKUASAAN SYARIAH NEGERI DENGAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (SEA-POL 2009)

Forum kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memperkasakan keupayaan penguatkuasaan undang-undang syariah telah diadakan menerusi penganjuran Wacana Eksklusif: Pemantapan Kolaborasi Agensi Penguatkuasaan Syariah Negeri dengan Polis Diraja Malaysia pada 30 April 2009 di Hotel Legend, Kuala Lumpur. Program anjuran Jakim ini dilaksanakan sebagai menyahut cadangan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan yang telah memberi kesanggupan untuk membantu agensi penguatkuasaan syariah di negara ini.

Perkara tersebut telah disuarakan sendiri oleh beliau dalam ucapannya sempena Konvensyen Nasional Penguatkuasaan dan Pendakwaan Undang-undang Syariah pada 17 Disember 2007 di Sabah dan Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah Ke-10 Peringkat Kebangsaan pada 13 November 2008 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia supaya perbincangan antara Jabatan Agama Islam dengan PDRM diadakan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam penguatkuasaan undang-undang syariah.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan program ini merupakan platform yang memberi peluang kepada agensi agama khususnya Jakim, JKSM dan JAIN untuk membina jaringan dan perkongsian dengan PDRM dalam pelbagai aspek terutama bagi melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang syariah.

Sementara itu, terdahulu dalam ucapan alu-aluan, Ketua Pengarah Jakim telah melahirkan penghargaan kepada Tan Sri Ketua Polis Negara yang bersetuju untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan dalam menguatkuasakan undang-undang syariah di negara ini. Perbincangan seumpama ini perlu diadakan bagi meningkatkan pengetahuan di kalangan pelaksana undang-undang serta mewujudkan kerjasama yang lebih teratur dan sistematik.

Satu pembentangan kertas kerja dan dua slot taklimat telah diatur sebagai pengisian kepada wacana ini. Pengarah

Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Jakim, Tuan Hj. Abdul Latif Ibrahim, telah membentangkan kertas bertajuk "Bidang Kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri dan Polis Diraja Malaysia dalam Penguatkuasaan Syariah."

Sementara itu taklimat mengenai Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Bahagian Penyelidikan (Syariah), Jabatan Peguam Negara, Tuan Hj. Mahamad Nasir Disa, manakala Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-undang Jakim, Puan Roslina Shafawi, telah menyampaikan taklimat berkaitan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah dan Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah.

Beberapa keputusan diperoleh menerusi program ini antaranya persetujuan terhadap cadangan penempatan pegawai penguat kuasa agama untuk menjalani latihan sangkutan di PDRM serta peluang menjalani latihan fizikal, teknikal dan pengetahuan undang-undang di Maktab Polis dan pusat-pusat latihan polis di seluruh negara.



86 WARGA JAKIM TERIMA APC JPM



Seramai 86 kakitangan Jakim menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Perdana Menteri 2008 pada 12 Mei 2009 yang lalu. Anugerah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hj. Hassan.

"Anugerah Perkhidmatan Awam merupakan insentif kerajaan kepada penjawat awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cekap, bertanggungjawab dan cemerlang di samping menyumbangkan perkhidmatan lebih dari tugas sebenar yang dipertanggungjawabkan." Demikian antara petikan ucapan oleh Tan Sri Mohd Sidek kepada penerima anugerah tersebut.

Menurutnya lagi, "Anugerah ini juga merupakan galakan kepada penjawat awam supaya sentiasa mengamalkan budaya kerja yang berkualiti dan cemerlang. Produktiviti yang digabungkan bersama kreativiti dan inovasi, mampu melonjakkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam Malaysia. Matlamat utamanya ialah untuk meningkatkan kepuasan hati klien sektor awam yang utama, iaitu rakyat."

Majlis anugerah pada tahun ini bermotokan "1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" telah turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Tuan Haji Othman Mustapha yang mewakili Ketua Pengarah Jakim.



Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-51 Tahun 1430H/2009M

::Tarikh::

5 – 12 Ogos 2009
bersamaan

14 – 21 Sya'ban 1430H

::Tempat::

Dewan Merdeka
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
Kuala Lumpur

::Masa::

8.00 – 11.00 malam

"Wahdah Demangkin Khaira Ummah"

Semua dijemput hadir

Selamat Menyambut Ramadan al-Mubarak 1430H
Bulan berkat, seribu rahmat...